

25/01/2003

Kerajaan akan umum langkah strategik tarik FDI

Nor Liza Ahmad

KERAJAAN dijangka mengumumkan beberapa langkah strategik bagi menarik kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebagai sebahagian daripada pakej

rangsangan ekonomi tambahan yang dijangka diumumkan Mac ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz,

berkata kerajaan kini masih berbincang mengenai beberapa langkah yang sesuai untuk dilaksanakan.

Beliau berkata, cadangan mengenainya akan dikemukakan kepada Mesyuarat Kabinet tidak lama lagi.

Katanya, pengumuman mengenai pelaksanaan langkah strategik itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia bukan saja membabitkan pengurangan cukai tetapi juga meliputi insentif dan prosedur yang mana akan dibentang di Kabinet.

"Apabila Kabinet bersetuju, Perdana Menteri mempunyai pilihan sama ada untuk mengumumkannya dalam pakej rangsangan ekonomi atau bila-bila masa yang dianggap sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan Anugerah ISO:9000 kepada KLIA Consultancy Services Sdn Bhd (KLIA Consult) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Eksekutif/Presiden KLIA Consultancy, Tan Sri Jamilus Hussein dan Naib Presiden Sirim Bhd, Robiah Ibrahim.

KLIA Consult yang ditubuhkan pada 1999, sebagai sebuah syarikat khidmat

runding pengurusan dimiliki 30 peratus kerajaan dan bakinya kakitangan kumpulan itu.

Syarikat itu yang turut terbabit sebagai pengurus projek dalam pelbagai

projek pembinaan dalam dan luar negara, mengunjur mencatat pertumbuhan pendapatan 30 peratus tahun ini berbanding RM28 juta pada 2002.

Jamilus berkata, KLIA Consult kini dalam proses membida pelbagai projek

antarabangsa termasuk di Myanmar dan Korea Selatan.

"Kami juga akan memberi tumpuan kepada projek tempatan termasuk sebagai

ahli konsortium bagi projek pembinaan landasan kereta api berkembar dari Seremban ke Johor Bahru," katanya.

Syarikat yang disokong 150 kakitangan profesional turut mengendalikan pelbagai projek antaranya projek empangan Sungai Selangor fasa tiga di Kuala Kubu Baru; Lapangan Terbang Baru Bintulu dan menaikkan taraf Lapangan Terbang Miri.

Selain itu katanya, KLIA Consult juga bertanggung sebagai pengurus projek antarabangsa seperti pelaksanaan pembinaan Lapangan Terbang Baru Bangkok, Thailand; Lapangan Terbang Hyderabad, India dan menyediakan pakej

teknologi maklumat untuk Lapangan Terbang Incheon di Korea Selatan.

